

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]
TARIKH : 25 Mei 2016
SOALAN : Dr. Noor Azmi bin Ghazali minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah pelan tindakan jangka panjang dalam mempertingkatkan hasil pengeluaran padi negara kerana sejak akhir ini, hasil kebanyakan kawasan jelapang padi masih merosot walaupun diperkenalkan beberapa benih baru yang boleh mempertingkatkan hasil.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Faktor peningkatan hasil padi adalah bergantung kepada interaksi di antara varieti padi dan persekitaran yang melibatkan faktor seperti kesuburan tanah, kehadiran penyakit dan perosak serta pengurusan tanaman. Peningkatan purata hasil terutamanya di kawasan jelapang yang bertanam dengan varieti padi MARDI meningkat daripada 3 tan sehektar kepada 4.23 tan sehektar pada 2014. Walaupun ramai petani yang berjaya memperolehi hasil 8 hingga 10 tan sehektar tetapi sesetengah petani yang pengurusan tanamannya tidak cekap menurunkan purata hasil seperti yang dinyatakan.

Oleh itu, pelan tindakan yang harus diambil bagi mempertingkatkan hasil pengeluaran padi negara adalah seperti berikut:-

- i. Menggalakkan penggunaan benih padi sah iaitu yang yang bermutu, subur dan bebas daripada padi angin/perosak/ penyakit ;
- ii. Meningkatkan aktiviti kawalan penyakit dan perosak secara bersepadu; dan
- iii. Kempen Pematuhan kepada '*Rice Check*' dan penerapan Amalan Pertanian Baik (MyGAP) dikalangan petani.

Penyelidikan padi juga harus memberi lebih penekanan menghasilkan teknologi padi untuk kawasan berhasil sederhana dan rendah. Sebagai contoh, memperkenalkan varieti mengikut kawasan (*specific variety*) atau pakej agronomi spesifik mengikut kesuburan tanah. Di samping itu, usaha berterusan menarik golongan muda menyertai penanaman padi boleh membawa kesan positif kepada hasil kerana lebih terdedah dengan aplikasi mudah alih dan boleh berinteraksi secara tepat dan lebih efisien.